



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
BILANGAN 6 TAHUN 2022**

Ketua Jabatan Negeri / Pusat Tanggungjawab Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2023

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2023; dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Ketua Jabatan Negeri (KJN) / Pusat tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2023 adalah seperti di [Lampiran 1](#) dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 yang berkuat kuasa.

3. PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

3.1 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- 3.1.1 Penyediaan (Kew 8) dan (Kew 320) bagi lantikan baru, lantikan semula, pertukaran kakitangan dan perubahan butiran di sistem iSPEKS mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri beserta dokumen sokongan bagi mengelakkan sebarang kelewatan.
- 3.1.2 Memastikan penyediaan (Kew 8) serta Perubahan Gaji (Kew.320) berkaitan kes kemasukan pegawai yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri dikemaskini dan diproses selewatnya pada kitaran gaji bulan berikutnya.
- 3.1.3 Menyemak maklumat dalam laporan Fail Induk Pekerja sebaik sahaja Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari Portal iSPEKS dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu.

Perkara yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Pekerja adalah seperti butiran berikut:

- (1) Butiran peribadi;
- (2) Nombor akaun dan nama bank; dan
- (3) Nombor rujukan:
 - (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - (ii) Cukai Pendapatan;
 - (iii) Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;
- 3.1.4 Memastikan semua arahan dan dokumen sokongan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan baru dan nombor rujukan potongan.
- 3.1.5 Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dibayar melalui Modul Gaji. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Modul Akaun Belum Bayar (ABB) bagi kes kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Bendahari Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

3.2 Tanggungjawab Pejabat Perbendaharaan Negeri

- 3.2.1 Menetapkan tarikh pemprosesan larian emolumen bulanan untuk dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti di [Lampiran 2](#).

- 3.2.2 Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan yang dibayar melalui Modul Gaji dan sebarang pembayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar (ABB) boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Bendahari Negeri.

3.3 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari

- 3.3.1 Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- 3.3.2 Tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan, boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Bendahari Negeri
Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan
Tingkat 3, Blok C, Wisma Negeri,
70503 SEREMBAN
u.p. : Unit Gaji, Seksyen Perkhidmatan dan Operasi
No. Tel. : 06 - 7659743/7602240/7659757/7602242/7602241

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Ketua Jabatan Negeri / Pusat Tanggungjawab Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peraturan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN ARPAH BINTI JAIS @ HJ MHD DAHLAN C.A.(M))

Bendahari Negeri,

Negeri Sembilan Darul Khusus

15 Disember 2022

- s.k:
- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
 - ii. YB Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
 - iii. Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sembilan
Wisma Audit, Jalan Haruan 2,
Oakland Commercial Centre,
Seremban 2
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2023

BULAN	TARIKH	HARI	PERKARA
JANUARI	17.01.2023	SELASA	Tahun Baru Cina 22 & 23 Januari 2023 (Ahad & Isnin)
FEBRUARI	23.02.2023	KHAMIS	
MAC	23.03.2023	KHAMIS	
APRIL	14.04.2023	JUMAAT	Hari Raya Puasa 22 & 23 April 2023 (Sabtu & Ahad),
MEI	19.05.2023	JUMAAT	Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2023 (Selasa & Rabu)
JUN	22.06.2023	KHAMIS	Hari Gawai 1 & 2 Jun 2023 (Khamis & Jumaat), Hari Raya Haji 29 & 30 Jun 2023 (Khamis & Jumaat)
JULAI	24.07.2023	ISNIN	
OGOS	24.08.2023	KHAMIS	
SEPTEMBER	22.09.2023	JUMAAT	
OKTOBER	24.10.2023	SELASA	
NOVEMBER	23.11.2023	KHAMIS	Hari Deepavali 12 November 2023 (Ahad)
DISEMBER	18.12.2023	ISNIN	Hari Krismas 25 Disember 2023 (Isnin)

TARIKH KEMASUKAN DATA GAJI BAGI TAHUN 2023

BULAN GAJI	TEMPOH KEMASUKAN DATA BULANAN (KEW.8 DAN KEW. 320)
JANUARI	27.12.2022 hingga 09.01.2023
FEBRUARI	30.01.2023 hingga 10.02.2023
MAC	27.02.2023 hingga 10.03.2023
APRIL	27.03.2023 hingga 07.04.2023
MEI	25.04.2023 hingga 12.05.2023
JUN	29.05.2023 hingga 09.06.2023
JULAI	26.06.2023 hingga 07.07.2023
OGOS	24.07.2023 hingga 04.08.2023
SEPTEMBER	28.08.2023 hingga 08.09.2023
OKTOBER	25.09.2023 hingga 06.10.2023
NOVEMBER	30.10.2023 hingga 10.11.2023
DISEMBER	27.11.2023 hingga 08.12.2023

* Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa sekiranya ada.